

Headline **Keperluan diabaikan**
Date **18 Jun 2010**
MediaTitle **Harian Ekspres (KK)**
Section **Tempatan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **29,826 / 97,836**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **305 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,571**
PRValue **4,714**



70 peratus pekerja asing tidak buat pemeriksaan perubatan **Keperluan diabaikan**



Jay Rahman

Avila Geraldine Samuel

KOTA KINABALU: Tujuh puluh peratus pekerja asing di Sabah tidak menjalani pemeriksaan perubatan walaupun ia satu keperluan untuk membawa pekerja asing ke negeri ini.

Pengerusi Persekutuan Pengeluar Malaysia cawangan Sabah Jay Rahman berkata berdasarkan penemuan dua gerakan regularisasi pada 2008 dan 2009 yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan awal tahun ini, hanya 25 peratus diperiksa dari segi perubatan.

"Ini bermakna hanya 125,000 pekerja asing di Sabah menjalani pemeriksaan perubatan di Sabah

Headline **Keperluan diabaikan**
Date **18 Jun 2010**
MediaTitle **Harian Ekspres (KK)**
Section **Tempatan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **29,826 / 97,836**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **305 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,571**
PRValue **4,714**

daripada 550,000 pekerja asing yang berdaftar di bawah program regularisasi itu.

“Ia sudah pasti penting dan mandatori bagi setiap pekerja asing untuk diperiksa dari segi perubatan sebelum dibenarkan bekerja di negara ini.”

Jay berkata demikian dalam satu seminar mengenai Penggajian Pekerja Aasing dan Pegawai Dagang Dalam Sektor Pembuatan di Hotel Promenade di sini, Khamis.

Menurut statistik yang diberikan oleh Growarisan Sdn Bhd, sebuah syarikat yang menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas pekerja-

Headline **Keperluan diabaikan**
Date **18 Jun 2010**
MediaTitle **Harian Ekspres (KK)**
Section **Tempatan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **29,826 / 97,836**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **305 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,571**
PRValue **4,714**

pekerja asing, hanya 125,272 pekerja asing didaftarkan tahun lepas dan 6,567 didapati tidak sesuai untuk bekerja.

Lima persijilan tidak sesuai tertinggi bagi pekerja-pekerja asing ini ialah hepatitis (52 peratus), TB (15 peratus), HIV (dua peratus) STD (11 peratus) dan kehamilan (10 peratus).

Sementara itu, Jay berkata pengumuman baru-baru ini oleh kerajaan mengenai perancangannya untuk mengurangkan bilangan pekerja asing kepada 1.5 juta dalam tempoh tiga tahun akan memberi "kesan besar bukan sahaja ke atas sektor pembuatan tetapi semua sektor yang banyak bergantung kepada pekerja asing."

"Menurut data terbaru, Malaysia kini mempunyai lebih kurang 1.9 juta pekerja asing dalam semua sektor dengan sektor pembuatan mendahului senarai dengan 39 peratus.

"Ia meningkat secara berterusan sejak 2006 dan 2007 dengan masing-masing 35 peratus dan 37 peratus... adalah pasti bahawa sektor ini sangat bergantung kepada pekerja asing untuk kekal dalam industri."

Jay juga berkata bahawa rancangan kerajaan untuk menaikkan levi menjelang tahun 2011 dalam usaha untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing juga harus dirancang dan diumumkan lebih awal.

"Kenaikan levi tidak seharusnya terlalu ketara dan segera yang akan menjejaskan kos dan keupayaan sektor pembuatan untuk bersaing.

"Polisi-polisi sedia ada seperti siling kebergantungan dan had lima tahun ke atas pekerjaan harus digugurkan untuk membolehkan majikan mengambil pekerja asing berdasarkan keperluan mereka, asalkan mereka bersedia untuk membayar levi.

"Ramai membantah ketika rancangan itu diumumkan kepada pekerja asing berdasarkan keperluan mereka, asalkan mereka bersedia untuk membayar levi.

"Ramai membantah ketika rancangan itu diumumkan. Bagaimanapun, saya diberitahu bahawa kenaikan levi itu tidak termasuk di Malaysia Timur dan bahawa ia baru di peringkat perancangan... jadi kita tidak perlu bimbang," tambah Jay.